

11 MAY 2003

Ali-BN

KOMPONEN BN DIMINTA TIDAK TIMBULKAN ISU BARU

MELAKA, 11 Mei (Bernama) -- Semua parti komponen Barisan Nasional diminta supaya tidak mewujudkan sebarang isu baru yang boleh menggugat keutuhan dan kestabilan parti, kerana ia boleh dieksploitasi oleh pembangkang terutama menjelang pilihan raya akan datang.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, juga meminta parti komponen menyelesaikan masalah dalaman yang ada sekarang sebelum tiba pilihan raya bagi membolehkan semua anggota parti memberi sokongan kepada BN.

"Saya setuju dengan saranan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) yang juga Pengerusi BN) yang meminta semua anggota parti ketepikan perselisihan dalaman mereka, sebaliknya tumpu kepada pilihan raya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan ulang tahun Hari Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Sedunia peringkat kebangsaan di Perkampungan Portugis di sini hari ini.

Sambutan itu disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin.

Mohd Ali, yang juga Pengerusi BN negeri, berkata sekiranya wujud perselisihan di kalangan anggota parti, ia akan menjadikan parti itu lemah dan menghadapi masalah untuk berdepan dengan lawan semasa pilihan raya.

"Kita akan menghadapi masalah untuk merampas semula kawasan yang dimenangi pembangkang pada pilihan raya lepas, jika wujud perselisihan itu," katanya.

Mohd Ali juga meminta mana-mana anggota parti di negeri itu yang ingin menjadi calon pada pilihan raya umum akan datang supaya turun ke padang dan menunjukkan bahawa mereka mampu menyelesaikan masalah rakyat.

Beliau meminta MCA negeri supaya dapat mengukuhkan parti itu bagi merampas kembali empat kerusi Dewan Undangan Negeri dan satu kerusi Parlimen yang dimenangi DAP pada pilihan raya 1999.

Pada pilihan raya 1999, DAP memenangi kerusi Parlimen Kota Melaka dan empat kerusi negeriu iaitu Tengkeru, Bandar Hilir, Durian Daun dan Bachang

Mohd Ali berkata sambutan orang ramai terhadap parti pembangkang terutamanya DAP di kawasan Parlimen Kota Melaka agak berkurangan manakala dua lagi parti pembangkang di Melaka iaitu PAS dan Keadilan tidak mendapat sokongan kerana tiada isu yang boleh dieksploitasi oleh mereka untuk menarik minat orang ramai.

"Kalau pada 1999 dulu, ceramah mereka dihadiri lebih 5,000 orang tetapi sekarang antara 200 dan 500 orang, walaupun yang datang itu pemimpin tertinggi mereka," katanya.

Bagaimanapun, katanya, BN tidak boleh merasa terlalu selesa dengan perkembangan itu kerana usaha menarik lebih ramai orang menyokong BN perlu sentiasa dijalankan.

-- BERNAMA

SBS ERE MAI